

Headline **Sambutan Menggalakkan Bengkel Cendawan**  
 Date **16. May 2008** Language **MALAY**  
 Media Title **Utusan Malaysia** Page No **4**  
 Section **Supplement** Article Size **485** cm2  
 Circulation **238082** Frequency **Daily**  
 Readership **833287** Color **Full Color**



# Sambutan menggalakkan bengkel cendawan

Oleh LAUPA JUNUS

**B**ENGGKEL Pengenalan Usahawan Cendawan Bersama MEGA-Utusan yang akan diadakan Ahad ini menerima sambutan menggalakkan daripada bakal peserta sebaik diumumkan baru-baru ini.

Menurut jurucakap penganjur, lebih 200 peserta telah mendaftar sehingga Rabu lepas dan penyertaan dijangka akan melebihi angka 300 menjelang hari bengkel diadakan.

"Kami terpaksa mengubah lokasi bengkel kepada dewan yang lebih besar untuk menampung peserta yang lebih ramai kerana sasaran awal hanya 200 peserta," katanya.

Peserta diingatkan agar datang awal kerana pendaftaran bermula dari 7.30 hingga 8 pagi.

Bengkel tersebut merupakan anjuran bersama Sisipan Mega, Utusan Malaysia bersama Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agro Bank diadakan di Dewan Auditorium Fakulti Kejuruteraan, universiti tersebut.

Bengkel ini diadakan sebagai bengkel pengenalan dan berkongsi kejayaan dengan usahawan-usahawan berjaya serta nasihat daripada pihak UPM sendiri.



Sebarang maklumat mengenai bengkel boleh menghubungi urus setia di 03-89466991/019-7002040 (Puan Mahani), Faris (012-3417112) atau Rosli (012-2846811).

Sementara itu, *Utusan Malaysia* dan UPM telah memeterai kerjasama penganjuran bengkel tersebut dalam satu majlis ringkas yang diadakan, baru-baru ini.

UPM menerusi APEEC, dipilih berdasarkan berpengalaman dalam menganjurkan bengkel keusahawanan pertanian sesuai dengan peranannya sebagai agen pengembangan dan melahirkan tenaga profesional selain memupuk budaya keusahawanan khususnya di kalangan graduan universiti.

Kerjasama tersebut julung kali diadakan membatikan kedua-dua pihak bagi menyahut seruan kerajaan untuk menyemarakkan program pertanian dan menambah jumlah usahawan pertanian sedia ada.

Menurut Pengarah APEEC, Prof. Dr. Azimi Hamzah, pihaknya bersedia



DR. AZIMI HAMZAH



**CENDAWAN** tiram kelabu kini semakin menarik minat penanam mengusahakan tanaman tersebut.

bekerjasama dengan *Utusan Malaysia* memandangkan pusat tersebut mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang pertanian dan sejajar dengan fungsinya memberi ilmu pertanian kepada mereka yang berminat. "APEEC ditubuhkan dengan tumpuan kepada bidang pengembangan, keusahawanan dan memupuk budaya profesional dalam pertanian khususnya di kalangan graduan," katanya.

Azimi berkata, pihaknya bersedia menawarkan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* pada masa akan datang kerana

ia dapat membantu memupuk budaya pertanian kepada masyarakat.

APEEC yang ditubuhkan awal tahun lalu merupakan gabungan Institut Pengembangan Pertanian, Pusat Pembangunan Usahawan Tani dan Pusat Pemajuan Profesional manakala MEGA merupakan sisipan *Utusan Malaysia* yang diterbitkan setiap minggu dari hari Isnin hingga Jumaat dan menyiarkan artikel pertanian pada hari Jumaat.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari laman web [www.apec.upm.edu.my](http://www.apec.upm.edu.my)